| 4.1 | 4.1.3 | SENI BAHASA |
|---|---|---|

Buku Teks ms 17

**SAHABAT SEJATI**

**Sahabat**

**Sahabat**
**insan yang mesra**
**insan yang mulia**
**kusanjung budimu**
**kujunjung pekertimu**
**kukenang jasamu**
**kubahagia bersamamu.**

**Sahabat**
**kauindungiku**
**bebas daripada buli**
**bebas daripada jenayah**
**bebeas daripada fitnah**
**demi silaturahim**
**demi nusa bangsa**
**tidak leka kita**
**tidak lena kita**
**di buana sandiwara.**

**Sahabat**
**kau obor cahaya sanubariku**
**setiamu membimbing rakan**
**penuh hemah berwawasan**
**telusuri denai kehidupan**
**terima kasih, sahabatku.**

**Nota**

**Pengulangan kata (Repetisi)**

Pengulangan berlaku pada kata, ungkapan, baris, atau rangkap yang diulang dalam karya.

- Pengulangan kata pada awal baris (anafora)
  Contoh: **jangan** kauhirau
  **jangan** kauendah
- Pengulangan kata pada akhir baris (epifora)
  Contoh: sahabat **selamanya**
  mesra **selamanya**

**Nota**

**Singkatan kata (Sinkope)**

Singkatan perkataan yang terdapat dalam karya seperti "tak", "nak", "mu", "ku" dan lain-lain lagi.

Contoh: kerana **kau**sudah tiada
Kata **kau** disingkatkan daripada kata engkau.

Contoh: **nak** kulupakan
Kata **nak** disingkatkan daripada kata hendak.

**Kenal pasti aspek pengulangan kata dan singkatan kata dalam sajak**

| | |
|---|---|
| | |

LIVEWORKSHEETS

| | |
|---|---|
| **Pengulangan kata ( Repetisi)** | |
| | |
| | |
| | |
| **Singkatan kata ( Sinkope)** | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

LIVEWORKSHEETS